UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies
http://jurnalumran.utm.my
eISSN 2289-8204

At Tarikh Salasilah dan Hikayat Merong Mahawangsa Sebagai Sumber Persejarahan Kedah: Persoalan Kesejarahan dalam Isu Kedatangan dan Penyebaran Islam di Kedah

At Tarikh Salasilah and Hikayat Merong Mahawangsa as a Source of Kedah's History: Historical Questions in The Advent and Development of islam in Kedah

Nor Atiqah Sukri[a,b]*

[a]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*
[b]*Fakulti Pendidikan dan Pengajian Umum, UCYP University, 26060 Kuantan, Pahang, Malaysia*

**Corresponding author: noratiqah@ucyp.edu.my*

Article history

Received: 2025-08-18 Received in revised form: 2026-07-02 Accepted: 2026-07-19 Published online: 2026-11-05

Abstract

This study explores the advent and spread of Islam in Kedah through two key historiographical sources: At Tarikh Salasilah Negeri Kedah and Hikayat Merong Mahawangsa. The history of Islam's arrival in Kedah has long been debated, as multiple versions combine factual and legendary elements, creating uncertainty about their reliability. The aim of this study is to evaluate the historical value of both texts and determine their significance in reconstructing Kedah's Islamisation narrative. Using a qualitative approach, the research applies library research, textual analysis, and comparative study (Ibrahim, 1991; Zainal Abidin, 1991). Findings indicate that At Tarikh Salasilah presents stronger historical grounding, with clearer chronology and factual references, while Hikayat Merong Mahawangsa contains substantial non-historical elements and anachronisms. Archaeological evidence, such as the tomb of Syeikh Abdullah at Padang Tok Syeikh, further supports the credibility of At Tarikh Salasilah. Overall, this study concludes that At Tarikh Salasilah is the more reliable source for understanding Kedah's Islamisation. It is hoped that these findings will contribute to a more critical discourse on Islamic historiography in the Malay world.

Keywords: History of Kedah, At Tarikh Salasilah, Hikayat Merong Mahawangsa, Advent of Islam

Abstrak

Makalah ini memberi tumpuan kepada kedatangan dan penyebaran Islam di Kedah berdasarkan dua sumber utama historiografi iaitu At Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa. Sejarah pengislaman Kedah sering menjadi perdebatan kerana kewujudan pelbagai versi naratif yang bercampur antara fakta dan legenda, sekali gus menimbulkan persoalan tentang tahap kesejarahannya. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai nilai kesejarahan kedua-dua teks tersebut serta menentukan kepentingannya dalam merekonstruksi naratif Islamisasi di Kedah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan, analisis kandungan tekstual dan kajian komparatif (Ibrahim, 1991; Zainal Abidin, 1991). Dapatan menunjukkan bahawa At Tarikh Salasilah lebih berpijak pada fakta sejarah dengan pentarikhan yang jelas, manakala Hikayat Merong Mahawangsa sarat dengan unsur non-historis dan anakronisme. Bukti arkeologi seperti makam Syeikh Abdullah di Padang Tok Syeikh turut mengukuhkan kredibiliti catatan At Tarikh Salasilah. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa At Tarikh Salasilah lebih berautoriti sebagai sumber sejarah Islam di Kedah. Diharapkan hasil kajian ini dapat memperkayakan wacana historiografi Islam di Alam Melayu.

Keywords: Sejarah Kedah, At Tarikh Salasilah, Hikayat Merong Mahawangsa, Kedatangan Islam

DOI: https://doi.org/10.11113/umran2026.13n3.829

1.0 PENGENALAN

Sumber merupakan sebuah aspek yang penting dalam ilmu Sejarah. Sumber-sumber inilah yang akan menjadi bukti kewujudan dan keobjektifan sesebuah peristiwa. Hal ini termasuklah berkenaan dengan sejarah kedatangan Islam yang merupakan peristiwa signifikan dalam historiografi Melayu tradisional. Kewujudan sumber-sumber ini penting dalam menghuraikan berkenaan dengan perkembangan Islam di Tanah Melayu, khususnya di Negeri Kedah yang menjadi latar utama dalam makalah ini. Walaubagaimanapun dalam sesebuah peristiwa, terdapat pelbagai versi garapan dan jalan penceritaannya yang menyebabkan sesebuah peristiwa dan sumber itu boleh diragukan. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis berkenaan dengan peristiwa sejarah kedatangan dan penyebaran Islam di Kedah dengan membuat rujukan terhadap dua sumber utama dalam historiografi Negeri Kedah iaitu Hikayat Merong Mahawangsa dan At Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Sumber-sumber tradisional seperti Hikayat Merong Mahawangsa sering kali dianggap sarat dengan unsur mitos dan legenda, namun ia tetap penting kerana mencerminkan pandangan dunia serta legitimasi politik pada zaman tersebut (Maier, 2021). Sebaliknya, karya seperti At Tarikh Salasilah Negeri Kedah yang ditulis oleh pengarang istana lebih menonjolkan fakta sejarah dengan pentarikhan dan naratif yang lebih realistik (Muhammad Hassan, 1968). Dalam konteks historiografi, penilaian kritis terhadap kedua-dua teks ini perlu dilaksanakan kerana perbandingan antara sumber yang bercorak sastera dan sumber yang lebih faktual dapat memberi gambaran lebih menyeluruh tentang proses Islamisasi di Kedah (Salleh, 2009).

Permasalahan utama kajian ini berpunca daripada wujudnya percanggahan naratif yang ketara antara naskhah At Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa dalam merakamkan kronologi serta proses pengislaman negeri Kedah. Walaupun Hikayat Merong Mahawangsa diiktiraf sebagai warisan sastera agung, namun kredibiliti sejarahnya sering dipersoalkan oleh sarjana kerana kandungannya yang sarat dengan unsur mitos, legenda, dan pengembaraan supranatural yang bertujuan untuk membina legitimasi politik penguasa berbanding merekodkan fakta objektif (Abaiyah Ab. Aziz et.al. (n.d.)). Selain itu, terdapat konflik antara naratif teks dengan bukti fizikal di lapangan yang melemahkan kewibawaan sejarah Hikayat Merong Mahawangsa. Permasalahan ini turut melibatkan perbezaan perspektif penulisan; At Tarikh Salasilah dihasilkan oleh Muhammad Hassan, seorang pegawai istana (Confidential Clerk) yang mempunyai akses kepada salasilah rasmi dan maklumat pentadbiran yang lebih realistik, manakala Hikayat Merong Mahawangsa lebih cenderung kepada genre sastera sejarah yang menggabungkan realiti dengan fantasi. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk merungkai jurang historiografi ini demi memastikan identiti Islam dan kearifan tempatan negeri Kedah dirakamkan berdasarkan sumber yang paling konsisten dan disokong oleh bukti luaran yang sahih

2.0 KAJIAN LITERATUR

Sorotan literatur yang menjadi pencetus idea kepada makalah ini ialah penulisan Prof Muhammad Yusoff Hashim iaitu Pensejarahan Melayu Nusantara pada tahun 1988. Beliau menyebutkan dalam penulisannya bahawa terdapat sarjana-sarjana barat yang memandang Hikayat Merong Mahawangsa sebagai sebuah karya dongeng dan lagenda seperti R.O Winstedt dan J.Crawfurd (Muhammad Yusoff Hashim, 1988). Beliau walaubagaimanapun tidaklah menggambarkan hikayat ini sebagai karya sastera yang tiada nilai sebaliknya beliau hanya menekankan bahawa Hikayat Merong Mahawangsa ini mempunyai unsur non-historis yang tinggi berbanding dengan karya-karya sejarah yang lain (Maier, 2021). Dalam hal ini penulis berpandangan bahawa kenyataan yang dibuat oleh Prof Yusoff Hashim ini ingin menjelaskan bahawa masih ada karya-karya lain yang perlu diketengahkan dalam menilai historiografi Kedah itu

sendiri dan bukanlah Hikayat Merong Mahawangsa. Beliau turut menggariskan beberapa isu yang dilihat mempunyai pertembungan idea dan mempunyai garapan berbeza dalam beberapa sumber termasuklah berkaitan dengan kedatangan dan penyebaran Islam di Negeri Kedah.

Seterusnya, A. Rahman Tang Abdullah (2025) menegaskan bahawa Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah merupakan antara sumber historiografi Melayu yang paling penting dalam merekonstruksi sejarah Kedah pada zaman pra-penjajahan. Menurut beliau, Al-Tarikh Salasilah mempunyai nilai yang signifikan kerana berfungsi sebagai sumber primer dan sekunder yang merekodkan pelbagai peristiwa sejarah serta salasilah pemerintahan Kesultanan Kedah. Walau bagaimanapun, kebolehpercayaan naskhah ini tidak boleh diterima secara mutlak, sebaliknya perlu melalui proses kritikan sumber dan verifikasi yang sistematik melalui perbandingan dengan sumber-sumber primer lain bagi mengesahkan ketepatan fakta sejarah. Meskipun Al-Tarikh Salasilah mempunyai beberapa kelemahan seperti ketiadaan rujukan formal dan nota kaki, naskhah ini masih diiktiraf sebagai sumber asas yang berautoriti dalam penyusunan salasilah rasmi 29 orang Sultan Kedah. Oleh itu, A. Rahman menegaskan bahawa penggunaan Al-Tarikh Salasilah sebagai sumber sejarah perlu disertai dengan pendekatan analisis kritikal dan interpretasi yang berasaskan bukti bagi membezakan antara fakta sejarah dengan unsur naratif sastera tradisional.

Seterusnya dalam meneliti Sejarah Negeri Kedah itu sendiri, penulis telah membuat pembacaan terhadap salah sebuah karya sejarah yang ditulis oleh Haji Buyong Adil pada tahun 1980 dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Buku ini menceritakan secara ringkas berkenaan dengan sejarah Negeri Kedah merangkumi asal usul, salasilah keturunan raja dan sultannya, dan beberapa peristiwa penting yang signifikan dalam pensejarahan Negeri Kedah. (Buyong Adil, 1980) Antara yang menjadi perhatian penulis adalah berkenaan dengan hubungan Kedah-Siam dan hubungan antara Kedah dan inggeris pada abad ke-18. Dalam buku ini juga, Tuan Haji Buyong Adil turut menceritakan berkenaan dengan kedatangan serta perkembangan ajaran Islam di Negeri Kedah dengan menggunakan rujukan ke atas dua sumber utama yang dipilih dalam makalah ini iaitu Hikayat Merong Mahawangsa dan At Tarikh Salasilah Negeri Kedah. Dengan adanya rujukan yang dibuat ke atas kedua-dua naskhah ini secara langsung, penulis mempunyai keyakinan bahawa sememangnya kedua-dua sumber ini merupakan sumber-sumber utama dalam historiografi Kedah.

Selanjutnya, penulis juga membuat rujukan kepada salah satu tulisan Dr Tatiana Denisova yang diterbitkan dalam salah sebuah jurnal di Universiti Malaya iaitu Sejarah Penyebaran Islam di Alam Melayu Berasaskan Sumber-sumber Sejarah Melayu Islam Kurun Ke-18 Hingga Ke-19. Dalam penulisannya, Dr Tatiana mengambil Negeri Johor sebagai subjek kajiannya. Walaupun berbeza negeri, tetapi penulis dapat melihat sikronisasi yang diwujudkan oleh beliau apabila wujud hubungan berkenaan dengan kedatangan dan penyebaran Islam dan sumber-sumber dalam historiografi Negeri Johor. Meskipun demikian ada beberapa isi penting yang dikemukakan oleh Dr Tatiana ini menarik perhatian penulis seperti kewujudan unsur mimpi dalam peristiwa pengislaman Raja Johor pada ketika itu. Perkembangan Islam yang berlaku di Kedah telah berlaku lebih awal daripada Johor membuatkan penulis tertarikh ingin melihat hubungkait antara sumber historiografi dan peristiwa pengislaman seseorang raja dalam Kerajaan Negeri Kedah.

Dalam membuat penelitian terhadap isu kedatangan dan perkembangan ajaran islam di Tanah Melayu khususnya di Negeri Kedah, penulis telah membuat pembacaan terhadap sebuah artikel yang ditulis oleh Arba'iyah Mohd Noor iaitu Perkembangan Pensejarahan Islam di Alam Melayu yang diterbitkan dalam Jurnal At Tamaddun pada 2011. Arba'iyah dalam tulisannya ini menyebutkan bahawa penyebaran dan perkembangan Islam di rantau Melayu mempunyai hubungan yang amat dekat dengan peranan Al Quran dan peranan yang dimainkan oleh ulama'

sejak abad ketujuh masihi lagi. Hal ini membuktikan bahawa kedatangan dan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu mempunyai hubungkait yang rapat dengan para ulama'. Selain itu juga, satu lagi karya yang menjadi rujukan penulis ialah Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu tulisan Syed Muhammad Naquib Al Attas yang diterbitkan pada tahun 1990. Buku ini merupakan sebuah syarahan yang diberikan oleh Prof Syed Naquib di Universiti Malaya yang mana beliau menjawab dan menyangkal hujah-hujah yang diberikan oleh orientalis berkenaan dengan ajaran Islam di nusantara. Buku ini menghuraikan perspektif ajaran Islam dari sudut sejarah, falsafah dan kebudayaan di Tanah Melayu dan nusantara. Sedikit sebanyak buku ini mampu membantu pengkaji dalam meneliti gambaran berkenaan dengan kedatangan dan perkembangan ajaran Islam di Tanah Melayu dalam konteks yang lebih luas.

Dr. Arbaiyah Ab. Aziz dalam tulisannya Fiction or Facts: Hikayat Merong Mahawangsa (The Kedah Annals) in the View of Current Civilization menyatakan bahawa Hikayat Merong Mahawangsa merupakan sebuah dokumen sejarah yang bukan sahaja merakamkan sastera rakyat Melayu purba, malah mencerminkan kehalusan budaya tradisional melalui penggambaran nilai moral, adat resam, sistem pemerintahan, dan pandangan hidup masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Menurut beliau, penggunaan unsur mitos dan legenda dalam hikayat ini berfungsi sebagai "daya penarik" bagi menarik minat pembaca di samping mengangkat martabat institusi raja dengan menonjolkan unsur kedaulatan, kesetiaan rakyat, serta kuasa luar biasa yang dimiliki oleh pemerintah. Walaupun sarat dengan elemen mitologi, Dr. Arbaiyah menegaskan bahawa Hikayat Merong Mahawangsa tidak boleh dianggap sebagai karya rekaan semata-mata kerana naskhah ini turut mengandungi fakta sejarah yang mempunyai asas kukuh serta disokong oleh penemuan bukti fizikal dan kajian sejarah. Justeru, hikayat ini perlu dinilai secara kritis dengan membezakan antara unsur sastera yang bersifat simbolik dan maklumat sejarah yang mempunyai nilai historiografi.

Dari sudut teknikal, melihatkan kepada sumber sejarah itu sendiri, penulis turut membuat pembacaan dan sorotan terhadap sebuah buku tulisan Zainal Abidin Abdul Wahid yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1991 iaitu Sejarah Malaysia Pentafsiran dan Penulisan. Zainal Abidin dalam tulisannya ini menekankan bahawa mentafsir sesebuah peristiwa sejarah bukanlah satu hal yang mudah. Untuk menentukan kemuktamadan sesuatu peristiwa, sumber, jangka masa dan bahasa serta kebudayaan merupakan antara masalah-masalah yang membelenggu seorang sejarawan. Oleh hal yang demikian, penilaian dan penafsiran secara kritis dan efektif perlu dilaksanakan bagi memuktamadkan sesuatu peristiwa. Hal ini boleh dilakukan melalui perbandingan sumber antara satu sumber dengan sumber yang lain. Dalam hal ini, penulis mengakui bahawa sesuatu peristiwa itu bukan sahaja perlu dinilai dari satu sudut sahaja sebaliknya memerlukan pendekatan yang lebih holistik dan diteliti dengan sebaik mungkin.

3.0 LATAR BELAKANG TEKS

Naskhah At Tarikh Salasilah Negeri Kedah merupakan sebuah karya historiografi yang dihasilkan oleh Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad pada tahun 1927 (Jelani Harun, 2019). Beliau yang memegang jawatan sebagai Setiausaha Sulit (*Confidential Clerk*) kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah menulis naskhah ini daripada perspektif kronikel istana yang bertujuan merekodkan sejarah pembentukan kerajaan dan salasilah rasmi raja-raja Kedah secara sistematik (Muhammad Hassan, 1968; Jelani Harun, 2019). Berbanding naskhah tradisional lain, At Tarikh Salasilah lebih menonjolkan naratif yang bersifat linear dan realistik dengan sandaran fakta sejarah serta pentarikhan yang lebih jitu (Muhammad Hassan, 1968; Jelani Harun, 2019). Dalam makalah ini, penulis menggunakan naskhah At Tarikh Salasilah yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1968.

Sebaliknya, Hikayat Merong Mahawangsa dikategorikan sebagai naskhah historiografi Melayu tradisional yang berfungsi sebagai karya sastera sejarah (Muhammad Yusoff Hashim, 1992). Walaupun Hikayat Merong Mahawangsa mengandungi inti pati sejarah pembukaan negeri Kedah, penceritaannya sarat dengan unsur mitos, legenda, dan metafora. Naskhah ini mempunyai pelbagai versi rujukan, antaranya versi Maxwell, versi Ku Din Ku Meh dan versi R.J. Wilkinson yang telah ditransliterasikan oleh Siti Hawa Salleh (1998), namun ia sering kali dikritik oleh sarjana kerana mengandungi elemen *non-historis* serta isu anakronisme yang ketara, terutamanya dalam garis masa naratif pengislamannya (Siti Hawa Salleh, 1998; Muhammad Yusoff Hashim, 1992). Dalam makalah ini, versi yang digunakan adalah versi R.J Wilkinson yang ditransliterasikan oleh Siti Hawa Salleh dan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya pada tahun 1998.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memberikan tumpuan kepada penyelidikan sejarah secara deskriptif dan analitikal bagi merungkai naratif pengislaman Kedah. Untuk memastikan hasil kajian yang objektif, penulis mengaplikasikan tiga kaedah utama iaitu kajian kepustakaan, analisis tekstual (kritikan dalaman), dan kajian komparatif (kritikan luaran) untuk menilai tahap kebolehpercayaan (*reliability*) sumber yang dikaji (Jelani Harun, 2019; Muhammad Hassan, 1968). Melalui kaedah kajian kepustakaan, penulis melakukan pensabitan terhadap kategori sumber bagi membezakan antara naskhah yang bersifat kronikel istana dengan karya sastera sejarah. Dalam hal ini, naskhah At Tarikh Salasilah dikenal pasti sebagai rekod salasilah rasmi yang ditulis oleh Muhammad Hassan, seorang pegawai istana (Confidential Clerk) yang mempunyai akses terus kepada maklumat sulit kesultanan, manakala Hikayat Merong Mahawangsa dikategorikan sebagai sastera sejarah yang sarat dengan unsur mitos bagi tujuan legitimasi politik (Jelani Harun, 2019; M. Yusoff Hashim, 1992).

Seterusnya, analisis tekstual atau kritikan dalaman diaplikasikan secara mendalam untuk menilai konsistensi naratif dan ketepatan kronologi dalam kedua-dua naskhah tersebut. Sesuatu teks dianggap lebih berwibawa apabila ia memaparkan garis masa yang linear dan logik, seperti yang ditunjukkan dalam At Tarikh Salasilah yang merakamkan tarikh pengislaman Kedah secara spesifik pada tahun 531 Hijrah atau 1136 Masihi (Muhammad Hassan, 1968; Jelani Harun, 2019). Selain itu, analisis ini digunakan untuk mengesan isu anakronisme, iaitu kecacatan kronologi yang meletakkan tokoh atau peristiwa pada zaman yang salah. Sebagai contoh, Hikayat Merong Mahawangsa dikesan mengalami anakronisme yang ketara kerana memasukkan tokoh abad ke-17 seperti Syeikh Nuruddin Ar-Raniri ke dalam peristiwa pengislaman abad ke-12, yang mana menurut para sejarawan, fenomena ini biasanya berpunca daripada campur tangan atau "penambahbaikan" oleh penyalin naskhah kemudiannya (M. Yusoff Hashim, 1992). Analisis ini juga membezakan realisme naratif At Tarikh Salasilah yang mencatatkan pelayaran fizikal Syeikh Abdullah dari Yaman menggunakan kapal (*babur*) berbanding naratif mistik Hikayat Merong Mahawangsa yang melibatkan pengembaraan ghaib bersama "penghulu syaitan" (Muhammad Hassan, 1968).

Akhir sekali, kajian komparatif dan kritikan luaran digunakan untuk membandingkan kandungan teks dengan bukti arkeologi, epigrafi, dan numismatik di luar teks bagi mengesahkan kebenaran fakta sejarah. Kredibiliti At Tarikh Salasilah dianggap lebih tinggi berbanding Hikayat Merong Mahawangsa kerana ia disokong kuat oleh penemuan fizikal di lapangan, seperti makam Syeikh Abdullah di Padang Tok Syeikh, puncak Gunung Jerai, yang secara langsung mengesahkan catatan At Tarikh Salasilah bahawa beliau wafat di Kedah (Wan Shamsudin & Ibrahim Bakar, n.d.; Jelani Harun, 2019). Keabsahan At Tarikh Salasilah turut diperkukuhkan dengan penemuan arkeologi lain seperti Inskripsi Ibni Sirdhan (829 M) dan mata wang perak Dinasti Abbasiah zaman

Khalifah Al-Mutawakkil (847-861 M) yang membuktikan pengaruh Islam serta jalinan perdagangan global telah bertapak di Kedah seawal abad ke-9, selari dengan konteks sejarah yang digambarkan dalam At Tarikh Salasilah (Wan Shamsudin & Ibrahim Bakar, n.d.). Secara rumusnya, aplikasi metodologi ini membolehkan penulis merumuskan bahawa At Tarikh Salasilah merupakan sumber historiografi yang lebih berautoriti kerana memiliki konsistensi dalaman yang tepat dan sokongan bukti luaran yang sahih.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Islam merupakan agama yang datang dan disebarkan di Tanah Melayu termasuklah di Negeri Kedah. Walaubagaimanapun, pertapakan ajaran Islam di Negeri Kedah dilihat sebagai antara negeri yang terawal menerima pengaruh ajaran Islam di Tanah Melayu. Meskipun wujud pelbagai teori kedatangan Islam, namun dapat diyakini bahawa kedatangan Islam ke Kedah adalah melalui jalinan perdagangan dan peranan ulama' yang menyebarkan dakwah ke nusantara. Dalam At Tarikh Salasilah, kedatangan Islam bermula semasa pemerintahan Seri Paduka Maharaja Derbar Raja II kira-kira pada tahun 531 Hijrah. Seri Paduka Maharaja Derbar Raja merupakan anak kepada Seri Paduka Maharaja Maha Jiwa yang mangkat dan disemadikan di Kota Bukit Meriam. Setelah kemangkatan ayahandanya, baginda ditabalkan menjadi raja yang baru. Maharaja Derbar Raja kemudiannya mengetuai dan menerajui pemerintahan negeri juga di Kota Bukit Meriam peninggalan ayahandanya. Dikenali sebagai seorang pemerintah yang cukup mengambil berat akan rakyatnya, baginda sering berulang-alik dari Kota Bukit Meriam ke jajahannnya di sebelah selatan bagi meninjau keadaan rakyat di sana.

Sehinggalah pada suatu ketika, pada tahun 1136 masihi, seorang ulama' dari Yaman bersama-sama dengan 11 orang sahabatnya tiba dengan kapal mereka ke negeri yang diperintah oleh Seri Paduka Maharaja Derbar Raja. Ulama' tersebut ialah Tuan Syeikh Abdullah Bin Tuan Syeikh Ahmad bin Tuan Syeikh Ja'afar Kaumiri (selepas ini disebut sebagai Syeikh Abdullah). Syeikh Abdullah merupakan seorang ulama' yang telah mengembara ke banyak tempat sebelum beliau tiba di Negeri Kedah. Syeikh Abdullah berasal dari Negeri Shahir (kini merupakan sebuah bandar pelabuhan di Yaman). Masyarakat Melayu sebagaimana yang kita ketahui, mempunyai sifat taat setia yang tinggi terhadap raja mereka. Justeru, pengislaman Raja Kedah sememangnya memberikan kesan yang besar terhadap penerimaan agama Islam di Kedah. Perkara ini juga disedari oleh Syeikh Abdullah dan beliau bersama-sama sahabat-sahabatnya juga memperakui perkara ini.

Syeikh Abdullah dan sahabat-sahabatnya telah pergi menghadap Maharaja Derbar Raja dan menyampaikan ajaran Islam kepada baginda. Baginda Maharaja Derbar Raja mula menanam minat terhadap ajaran Islam lalu meminta Syeikh Abdullah untuk tinggal dan mengajarkan agama kepada baginda dan para pembesar kerajaannya di istana. Setelah hampir 5 tahun, maharaja dan para pembesar terbuka hati untuk memeluk agama Islam dan secara langsung telah menandakan permulaan Negeri Kalaha (Kedah ketika itu) diperintah oleh pemerintah beragama Islam. Syeikh Abdullah kemudiannya dilantik sebagai penasihat Sultan dan tinggal di istana. Setelah mengucapkan syahadah, Seri Paduka Maharaja Derbar Raja telah menggunakan nama *Zilullah Fil Alam* As-Sultan Al Mudzaffar Shah. Tercatat dalam At Tarikh Salasilah bahawa Syeikh Abdullah telah menunaikan solat sunat sebanyak rakaat 2 rakaat. Setelah pengislaman Sultan dan para pembesar, nama Negeri Kalaha juga ditukar kepada Negeri Kedah Darul Aman. Peristiwa ini diriwayatkan dalam At-Tarikh Salasilah seperti berikut:

"Hatta, di dalam lima tahun dikurniakan Allah Taala lenditlah di atas ugama Islam, dengan bijaksana menzahirkan ilmu ugama dan lain-lain. … Maka Tuan Syeikh Abdullah pun muafakat dengan menteri-menteri

DOI: https://doi.org/10.11113/umran2026.13n3.829

dan orang besar-besarnya, maklum kepada Seri Paduka Maharaja Derbar Raja pohon kehendak ubah nama raja dan nama negeri.."

Sememangnya masyarakat Melayu terkenal dengan sifat taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemerintah atau raja mereka. Dengan berlakunya pengislaman Sultan Al-Mudzaffar Shah, maka seluruh rakyat jelata juga mula mempelajari dan menganuti ajaran Islam yang diperkenalkan oleh Syeikh Abdullah dan 11 orang sahabatnya. Semakin lama, Negeri Kedah Darul Aman menjadi antara salah sebuah Kerajaan Islam yang terkenal bersama-sama dengan kerajaan Islam lain seperti Kerajaan Islam-Perlak di rantau nusantara. Banyak perubahan dan penambahbaikan dilaksanakan oleh Sultan Mudzaffar Shah dalam pemerintahannya berdasarkan nasihat yang diberikan oleh Syeikh Abdullah.

Antaranya ialah berkenaan dengan paluan 7 kali naubat nafiri yang dibunyikan pada setiap Hari Jumaat sebagai menandakan hari kemuliaan oleh seluruh rakyat. Paluan naubat nafiri ini juga dibunyikan pada hari-hari biasa sebagai tanda masuknya waktu solat fardhu. Struktur pemerintahan dan pentadbiran Negeri Kedah dibawah pimpinan Sultan Mudzaffar Shah mulai disesuaikan dengan ajaran Islam. Baginda memerintah dengan adil dan saksama. Pada suatu ketika, Sultan Mudzaffar Shah bertanya kepada Syeikh Abdullah berkenaan dengan kemuliaan yang wujud di Tanah Arab. Syeikh Abdullah lalu mengatakan bahawa antara kemuliaan di Tanah Arab adalah masjid, menara dan laungan azan yang dikumandangkan. Sultan Mudzaffar Shah kemudiannya bertitah untuk dibuat sebuah mercu tanda juga di Negeri Kedah sebagai tanda bahawa Negeri kedah merupakan sebuah Kerajaan Islam yang berdaulat.

Mercu tanda yang dimaksudkan adalah sebuah menara yang ingin dibina dipuncak Gunung Jerai. Syeikh Abdullah sendiri telah naik ke puncak Gunung Jerai dan memantau kerja-kerja pembinaan sehinggalah beliau jatuh sakit. Berita itu kemudiannya sampai ke pengetahuan Sultan Mudzaffar Shah. Baginda telah menziarahi Syeikh Abdullah. Dalam pertemuan itu, Syeikh Abdullah menyatakan sekiranya telah tiba ajalnya, beliau berhasrat untuk dimakamkan di lokasi sama mercu tanda itu dibina. Lokasi tersebut sehingga hari ini wujud dan dikenali dengan nama Padang Tok Syeikh yang terletak di Gunung Jerai. Tidak lama setelah itu, Syeikh Abdullah pun wafat. Setelah pemergian Syeikh Abdullah, Sultan Mudzaffar Shah pula jatuh gering dan mangkat pada tahun 575 Hijrah. Meskipun begitu, keagungan dan perkembangan ajaran Islam terus berlaku sehingga menjadikan Negeri Kedah sebagai sebuah negeri Islam yang masyhur dah diwarisi oleh sekalian anak dan cucunya sehingga ke hari ini.

Sementara itu dalam Hikayat Merong Mahawangsa, permulaan kepada proses kemunculan dan penyebaran Islam di Kedah dimulakan dengan beberapa peristiwa yang berlaku di Kota Baghdad. Sebagaimana yang disebutkan dalam At Tarikh Salasilah Negeri Kedah, ulama' yang datang menyebarkan ajaran Islam di Kedah ialah Tuan Syeikh Abdullah Bin Tuan Syeikh Ahmad bin Tuan Syeikh Ja'afar Kaumiri. Walau bagaimanapun, yang dicatatkan dalam Hikayat Merong Mahawangsa hanyalah Syeikh Abdullah anak Yaman. Oleh yang demikian, dapat ditafsirkan bahawa ulama' yang dimaksudkan dalam kedua-dua naskhah adalah orang yang sama berdasarkan kepada tempat kelahiran, asal dan tempat mereka mendapatkan pengajian agama iaitu di Kota Baghdad. Namun yang mungkin menjadi perdebatan adalah dari berkenaan dengan nama maharaja Kedah yang diislamkan oleh mereka samaada, Maharaja Derbar Raja atau Raja Phra Ong Mahawangsa.

Berdasarkan catatan dalam Hikayat Merong Mahawangsa, pada suatu hari setelah selesai kulliah pengajian Syeikh Abdullah dengan gurunya Syeikh Abdullah Tua, Syeikh Abdullah telah bersemuka dengan gurunya dan meminta untuk dipertemukan dengan penghulu syaitan bagi dilihatkan kepada Syeikh Abdullah bagaimana syaitan memperdayakan manusia. Walau

bagaimanapun Syeikh Abdullah Tua tidak seberapa bersetuju dengan permintaan yang diutarakan oleh anak muridnya Syeikh Abdullah. Hal ini dikatakan sedemikian kerana beliau risau jika tipudaya syaitan mampu memperdaya anak muridnya. Syeikh Abdullah merupakan antara anak muridnya yang mempunyai kecerdasan lebih berbanding anak muridnya yang lain. Syeikh Abdullah sangat alim dalam bidang tafsir, kitab sufi dan kitab feqah. Beliau juga merupakan seorang penghafaz Al Quran.

Setelah dipujuk dan diyakinkan oleh Syeikh Abdullah kepada gurunya, maka beliau diminta untuk ke sebuah pokok dan menunggu sehingga ke tengahari, akan ada seorang yang menyerupai manusia datang ke pokok itu, maka dialah penghulu syaitan dengan rupa manusia. Syeikh Abdullah menunggu sambil mengulang hafazan Al Quran. Setelah beberapa ketika beliau merasakan tamparan kuat di kedua-dua belah pipinya namun tidak melihat siapakah gerangan yang menamparnya. Lalu kejadian tersebut diadukan kepada gurunya. Kata Syeikh Abdullah Tua, penghulu syaitan benci mendengarkan alunan ayat Al Quran yang dibacakan oleh Syeikh Abdullah. Keesokkan harinya Syeikh Abdullah sekali lagi menunggu di pohon tersebut tanpa berkata apapun. Tidak lama kemudian, penghulu syaitan dan iblis itu pun muncul dalam rupa manusia.

Pertemuan antara Syeikh Abdullah dan penghulu syaitan itu akhirnya membawa Syeikh Abdullah merantau sehingga ke beberapa buah kerajaan di pelosok bumi. Mereka bertemu dengan pelbagai jenis manusia, ada yang sedang berjudi, yang sedang berzina, yang sedang mencuri dan berbunuh-bunuhan. Setelah berjalan seberapa lama, mereka bertemu seorang Raja yang sangat gemar minum arak, Dikatakan raja tersebut tidak pernah mabuk meskipun telah menghabiskan bertong-tong arak api dan arak nasi. Raja yang dimaksudkan adalah Raja Phra Ong Mahawangsa. Ketika itu Raja tersebut sedang bangun dari perbaringannya dan meminta arak untuk diminum. Sebelum arak tersebut sampai kepada raja, penghulu syaitan telah bertindak kencing di dalam arak tersebut.

Alangkah terkejutnya Syeikh Abdullah melihatkan perilaku penghulu syaitan lantas beristighfar. Beliau memarahi perilaku penghulu syaitan yang dianggap kurang ajar terhadap seorang raja. Penghulu syaitan berasa tercabar lalu memutuskan untuk menghentikan perjalanan mereka menyebabkan Syeikh Abdullah akhirnya dilihat oleh pandangan mata kasar manusia termasuklah Raja Phra Ong Mahawangsa. Alangkah terkejutnya baginda melihatkan Syeikh Abdullah tiba-tiba muncul di bilik peraduannya. Maka dengan penuh hormat, Syeikh Abdullah memperkenalkan dirinya dan memberitahu Raja Phra Ong Mahawangsa bahawa baginda telah meminum air kencing syaitan bersama-sama dengan arak tadi. Syeikh Abdullah turut mengatakan bahawa beliau merupakan anak murid kepada gurunya dan beragama Islam. Raja Phra Ong Mahawangsa amat terkejut dan mula tertarik untuk mendengar lebih lagi berkenaan dengan ajaran agama Islam dari Syeikh Abdullah.

Syeikh Abdullah kemudiannya tinggal disisi Raja Phra Ong Mahawangsa dan mengajarkan ajaran Islam kepadanya sehinggalah Raja dan seluruh rakyat Kedah mengucapkan dua kalimah syahadat dan menjadi seorang muslim. Berhala-berhala ajaran nenek moyang dan segala arak yang ada dalam kerajaan Kedah dimusnahkan dan dihancurkan oleh Syeikh Abdullah. Ketika Raja ingin mengarahkan kepada menteri untuk dihimpunkan seluruh rakyat dan hulubalang, ketika itulah Syeikh Abdullah memberi cadangan untuk ditukar nama Raja dengan bahasa Islam agar lebih mudah dilafazkan di mimbar solat Jumaat. Lalu dipilih nama Sultan Muzafar Syah. Setelah dari itu, berlakulah proses pengembangan ajaran Islam di Negeri Kedah dengan nasihat dan bimbingan dari Syeikh Abdullah.

Masjid-masjid banyak didirikan, hukum syarak diperkasakan, solat jumaat didirikan disetiap mukim dengan jemaahnya setiap satunya seramai 40 orang dan pengajian Al-Quran dibuat di

masjid dan juga istana. Sehingga pada akhirnya, Kerajaan Kedah menjadi sebuah kerajaan Islam yang mahsyur diseantero nusantara. Perlaksanaan hukum syarak didalam Kerajaan Kedah dijalankan secara penuh atas nasihat dari Syeikh Abdullah sehingga khabarnya sampai ke pengetahuan Syeikh Nuruddin di Negeri Aceh. Lalu Syeikh Nuruddin mengirimkan utusan untuk menyampaikan *Kitab Siratul Mustaqim* dan *Kitab Babu'l-Nikah*. Sultan Muzafar Syah menerima kiriman dari Aceh itu dengan gembira. Tidak lama kemudian baginda memperoleh tiga orang putera dan diajarkan kepada putera-puteranya itu berkenaan dengan agama Islam.

Setelah baginda jatuh gering dan mangkat, takhta Kerajaan Kedah diwarisi oleh putera Almarhum Sultan Muzafar Syah yang sulung, iaitu Sultan Muazzam Syah. Sultan Muazzam Syah memerintah Kerajaan kedah dengan adil dan saksama. Sifat berbudi bahasa dan rajin beribadah seorang Sultan telah menjadikan rakyat negeri itu amat kasih dengan sultannya. Syeikh Abdullah yang selesai memberikan tunjuk ajar kepada seluruh pemerintah dan rakyat Negeri Kedah itu kemudiannya membuat keputusan untuk pulang ke Baghdad bertemu kembali dengan gurunya Syeikh Abdullah Tua. Lalu dengan penuh kemashgulan (kesedihan) dan rasa berat hati, Sultan Muazzam Syah menghadiahkan dua buah kapal untuk digunakan oleh Syeikh Abdullah pulang ke Baghdad. Setelah beberapa ketika, Sultan Muazzam Syah jatuh gering lalu diganti takhtanya oleh cucu-cicitnya dengan mengamalkan ajaran dan kaedah Islam dalam pemerintahan dan pentadbirannya.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan fundamental antara naskhah At Tarikh Salasilah Negeri Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa dalam merakamkan naratif pengislaman Kedah. Perbezaan ini bukan sekadar melibatkan perincian penceritaan, malah merangkumi aspek kredibiliti sejarah, fungsi teks, dan sokongan bukti fizikal yang ditemui di lapangan. Sebagai sebuah kronikel istana yang ditulis daripada perspektif pegawai tinggi kerajaan, At Tarikh Salasilah memaparkan naratif yang lebih linear dan realistik (Jelani Harun, 2019). Menurut naskhah ini, Islam dibawa ke Kedah oleh seorang pendeta Arab dari Yaman (negeri Shahri) bernama Syeikh Abdullah al-Qaumiri pada tahun 531 Hijrah (1136 Masihi). Beliau tiba di pelabuhan Qalha (Kedah) melalui pelayaran fizikal menggunakan kapal (babur) bersama rakan-rakannya. Proses pengislaman Maharaja Derbar Raja II digambarkan berlaku secara tertib, bermula dengan nasihat keagamaan diikuti dengan penukaran gelaran baginda kepada Sultan Al-Mudzaffar Shah serta penamaan negeri sebagai Kedah Darul Aman.

Secara kritis, At Tarikh Salasilah menghubungkan peristiwa sejarah tersebut dengan lokasi geografi yang tepat, seperti pembinaan menara di puncak Gunung Jerai yang kemudiannya menjadi lokasi kewafatan dan makam Syeikh Abdullah di Padang Tok Syeikh. Sebaliknya, Hikayat Merong Mahawangsa membina naratif yang sarat dengan unsur mistik dan supranatural, di mana pengislaman digambarkan melalui pengembaraan ghaib Syeikh Abdullah dari Baghdad ke Kedah yang melibatkan interaksi dengan "penghulu syaitan". Walaupun Hikayat Merong Mahawangsa menyebut nama tokoh pengislaman yang sama, ia mendakwa tokoh tersebut pulang semula ke Baghdad selepas selesai tugasnya, suatu fakta yang bercanggah dengan bukti fizikal makam yang ditemui di puncak Gunung Jerai. Analisis akademik menunjukkan bahawa Hikayat Merong Mahawangsa lebih berfungsi sebagai karya sastera sejarah yang bertujuan untuk membina legitimasi dan karisma raja melalui mitos, manakala At Tarikh Salasilah berfungsi sebagai dokumen historiografi yang lebih objektif (M. Yusoff Hashim, 1992; Jelani Harun, 2019).

Kredibiliti At Tarikh Salasilah dalam merakam sejarah awal Islam di Kedah diperkukuhkan lagi melalui penemuan arkeologi dan epigrafi. Penemuan mata wang perak Dinasti Abbasiah zaman Khalifah Al-Mutawakkil (847-861 M) serta Inskripsi Ibni Sirdhan (829 M) di sekitar Gunung Jerai membuktikan pengaruh Islam telah bertapak di Kedah jauh lebih awal daripada apa yang

digambarkan dalam hikayat sastera. Hal ini menunjukkan bahawa catatan At Tarikh Salasilah mengenai pengislaman pada abad ke-12 memiliki asas sejarah yang lebih *reliable* atau boleh dipercayai kerana ia selari dengan konteks perdagangan global pada masa itu (Wan Shamsudin & Ibrahim Bakar, n.d.). Selain itu, Hikayat Merong Mahawangsa dikesan mengalami masalah anakronisme yang serius apabila memasukkan tokoh abad ke-17, iaitu Syeikh Nuruddin Ar-Raniri, serta kitab-kitab beliau seperti Siratul Mustaqim dan Babul-Nikah ke dalam naratif pengislaman abad ke-12. Fenomena ini sering berlaku dalam sastera Melayu tradisional akibat campur tangan penyalin naskhah yang ingin menyesuaikan teks dengan pengaruh budaya semasa (M. Yusoff Hashim, 1992).

Akhir sekali, transformasi Kedah menjadi sebuah Kesultanan Islam turut diikuti dengan penggubalan sistem perundangan yang lebih sistematik. Penggunaan gelaran *Zilullah Fil Alam* (Bayangan Allah di Muka Bumi) oleh Sultan Al-Mudzaffar Shah bukan sekadar simbolik, tetapi merupakan strategi politik untuk meletakkan Kedah dalam rangkaian dunia Muslim yang agung (Milner, 1981). Kesinambungan kedaulatan ini diperkukuhkan melalui penggubalan Hukum Kanun Kedah yang mengintegrasikan adat Melayu dengan syariat Islam. Perundangan ini mencerminkan kearifan tempatan dalam menguruskan tadbir urus negeri berdasarkan prinsip hukum Islam tanpa mengetepikan adat setempat yang tidak bercanggah dengan syara' (Adi Yasran et al., 2012). Secara keseluruhannya, At Tarikh Salasilah menonjolkan kematangan intelektual pengarangnya dalam merakam transisi sosio-politik Kedah daripada sebuah kerajaan tradisional kepada Kesultanan Islam yang berdaulat.

6.0 PERBINCANGAN

Analisis kritis terhadap naratif pengislaman Kedah menunjukkan bahawa naskhah At Tarikh Salasilah Negeri Kedah mempunyai kredibiliti historiografi yang lebih utuh berbanding Hikayat Merong Mahawangsa. Sebagai sebuah karya yang ditulis daripada perspektif kronikel istana, At Tarikh Salasilah memaparkan fakta yang lebih berpijak di bumi nyata (Jelani Harun, 2019). Berbeza dengan karya berbentuk hikayat yang lazimnya menggabungkan unsur mitos, legenda dan simbolisme untuk memperkukuhkan kewibawaan institusi raja, At Tarikh Salasilah lebih menumpukan kepada penyusunan salasilah pemerintah, peristiwa politik serta proses perkembangan Islam secara kronologi. Pendekatan ini menjadikan kandungannya lebih hampir kepada penulisan sejarah tradisional Melayu yang berfungsi sebagai rekod pemerintahan dan bukan sekadar karya sastera yang bersifat didaktik atau hiburan. Oleh itu, nilai sejarah yang terkandung dalam naskhah ini lebih mudah dinilai melalui pendekatan historiografi moden.

At Tarikh Salasilah merekodkan bahawa pengislaman Maharaja Derbar Raja II dilakukan oleh Syeikh Abdullah al-Qaumiri yang datang dari Yaman (negeri Shahri) melalui pelayaran fizikal menggunakan kapal (babur) ke pelabuhan Qalha (Muhammad Hassan, 1968; Jelani Harun, 2019). Naratif ini sangat realistik kerana selari dengan fakta sejarah yang meletakkan Kedah sebagai entrepot utama bagi pedagang Arab dan Parsi seawal kurun ke-9 Masihi (Wan Shamsudin & Ibrahim Bakar, n.d.; Muhammad Hassan, 1968). Kedudukan strategik Kedah di laluan perdagangan Selat Melaka memungkinkan interaksi yang berterusan antara pedagang Islam dengan masyarakat tempatan, sekali gus menjadikan proses penyebaran Islam berlaku melalui jaringan perdagangan, dakwah dan hubungan diplomatik. Hal ini menunjukkan bahawa proses Islamisasi Kedah bukanlah suatu peristiwa yang berlaku secara tiba-tiba atau bersifat luar biasa, sebaliknya berkembang secara beransur-ansur hasil hubungan antarabangsa yang telah lama terjalin. Sebaliknya, Hikayat Merong Mahawangsa membina naratif mistik yang melibatkan pengembaraan ghaib Syeikh Abdullah bersama "penghulu syaitan" dari Baghdad, yang lebih berfungsi sebagai alat sastera untuk mengangkat kedaulatan raja melalui mitos berbanding merekodkan sejarah objektif

(Muhammad Hassan, 1968). Walaupun unsur tersebut mempunyai nilai simbolik dalam tradisi kesusasteraan Melayu, ia menyukarkan hikayat ini diterima sebagai sumber sejarah primer tanpa disokong oleh bukti lain.

Kredibiliti At Tarikh Salasilah diperkukuhkan lagi melalui sokongan bukti arkeologi dan epigrafi yang ditemui di Kedah. Penemuan makam Syeikh Abdullah di Padang Tok Syeikh, puncak Gunung Jerai, secara langsung membuktikan catatan At Tarikh Salasilah bahawa beliau wafat di Kedah dan membatalkan dakwaan Hikayat Merong Mahawangsa bahawa beliau pulang semula ke Baghdad (Wan Shamsudin & Ibrahim Bakar, n.d.; Jelani Harun, 2019). Selain itu, penemuan mata wang perak Dinasti Abbasiah dari zaman Khalifah Al-Mutawakkil (847–861 M) serta Inskripsi Ibni Sirdhan (829 M) di sekitar kawasan Gunung Jerai membuktikan pengaruh Islam telah bertapak di Kedah jauh lebih awal daripada apa yang digambarkan oleh hikayat-hikayat sastera (Wan Shamsudin & Ibrahim Bakar, n.d.). Kewujudan artifak-artifak ini bukan sahaja mengesahkan hubungan perdagangan antara Kedah dengan dunia Islam, malah membuktikan bahawa masyarakat tempatan telah berinteraksi secara aktif dengan tamadun Islam sebelum berlakunya pengislaman rasmi pemerintah. Hal ini menunjukkan bahawa At Tarikh Salasilah merakamkan peristiwa sejarah yang memiliki asas fizikal yang boleh disahkan, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan naskhah tersebut sebagai sumber sejarah.

Isu anakronisme dalam Hikayat Merong Mahawangsa turut menjejaskan kewibawaannya sebagai sumber sejarah yang tepat. Kelemahan paling ketara ialah kehadiran Syeikh Nuruddin Ar-Raniri serta kitab-kitab beliau seperti Siratul Mustaqim dan Babun-Nikah dalam naratif pengislaman raja (M. Yusoff Hashim, 1992). Secara sejarah, Syeikh Nuruddin hanya berada di Aceh pada kurun ke-17 (1630-an), manakala At Tarikh Salasilah merekodkan pengislaman Kedah berlaku pada tahun 1136 Masihi atau 531 Hijrah (M. Yusoff Hashim, 1992; Jelani Harun, 2019). Perbezaan masa yang begitu ketara ini menunjukkan bahawa kandungan hikayat telah mengalami penambahan atau pengubahsuaian selepas tempoh asal penulisannya. Anakronisme ini kemungkinan besar berpunca daripada campur tangan penyalin naskhah Hikayat Merong Mahawangsa kemudiannya yang ingin menyesuaikan teks dengan pengaruh sosioperadaban Aceh pada masa itu (M. Yusoff Hashim, 1992). Situasi sedemikian merupakan fenomena yang lazim berlaku dalam tradisi manuskrip Melayu kerana proses penyalinan sering melibatkan penambahan unsur-unsur baharu mengikut konteks zaman penyalin. Sebaliknya, At Tarikh Salasilah memberikan garis masa yang lebih konsisten dan diterima oleh sejarawan kerana pentarikhannya mendahului rekod Batu Bersurat Terengganu (Muhammad Hassan, 1968). Konsistensi kronologi ini menjadikan naskhah tersebut lebih kukuh dari sudut analisis sejarah berbanding naratif yang dipengaruhi unsur sastera dan penyuntingan kemudian.

Akhir sekali, At Tarikh Salasilah merakamkan transformasi institusi kesultanan melalui pertukaran gelaran Maharaja Derbar Raja II kepada Sultan Al-Mudzaffar Shah dengan gelaran Zilullah Fil Alam (Bayangan Allah di Muka Bumi). Penggunaan gelaran ini bukan sekadar simbolik, tetapi merupakan satu bentuk legitimasi politik Islam untuk meletakkan Kedah dalam rangkaian dunia Muslim yang agung (Muhammad Hassan, 1968; Milner, 1981). Pertukaran gelaran tersebut memperlihatkan perubahan yang lebih mendalam daripada sekadar pertukaran agama pemerintah, sebaliknya menandakan peralihan struktur pemerintahan daripada berasaskan tradisi Hindu-Buddha kepada sistem kesultanan Islam. Kesinambungan pengaruh Islam ini dapat dilihat dalam penggubalan Hukum Kanun Kedah (1650 M) yang mengintegrasikan adat Melayu dengan syariat Islam (Adi Yasran et al., 2012; Winstedt, 1928). Perundangan ini mencerminkan kearifan tempatan dalam menggunakan prinsip Al-Urf, di mana adat yang tidak bertentangan dengan hukum syara' tetap diterima sebagai sebahagian daripada sistem pemerintahan negeri (Noor Haslina Osman, 2004). Hal ini membuktikan bahawa proses Islamisasi di Kedah bukan sahaja berlaku pada

peringkat akidah dan ritual, malah berkembang kepada pembentukan sistem pentadbiran, perundangan dan budaya politik yang lebih tersusun. Secara keseluruhannya, perincian dalam At Tarikh Salasilah menunjukkan keupayaan kearifan tempatan dalam merakam sejarah yang lebih objektif dan sistematik bagi negeri Kedah, di samping memperlihatkan bahawa proses Islamisasi Kedah merupakan suatu transformasi menyeluruh yang disokong oleh bukti tekstual, arkeologi dan perkembangan institusi pemerintahan.

7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, jelas dapat dilihat bahawa terdapat percanggahan yang besar dari sudut naratif yang wujud diantara kedua-dua sumber ini. Dalam isu kedatangan serta penyebaran Islam di kedah, At Tarikh Salasilah Negeri Kedah dilihat mempunyai penghujahan yang lebih tepat dan keobjektifan yang lebih diperakui berbanding Hikayat Merong Mahawangsa.

Penghargaan

Kajian ini diselia dan dibimbing sepenuhnya oleh Professor Madya Dr A. Rahman Tang Abdullah, Pensyarah Kanan, Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah. Sehubungan dengan itu penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada beliau atas bimbingan sepanjang melaksanakan kajian dan penulisan ini.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Senarai Rujukan

Adi Yasran, A. A., et al. (2012). Undang-undang Kedah Manuscript: A Law Canon of an Early Malay State. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(3), 459-466.

Andaya, B. W., & Andaya, L. Y. (2017). *A history of Malaysia* (3rd ed.). Palgrave Macmillan. Arba'iyah Mohd Noor. (2011). Perkembangan pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Jurnal At-Tamaddun*, *6*, 1–15.

Azra, A. (2004). *The origins of Islamic reformism in Southeast Asia: Networks of Malay Indonesian and Middle Eastern 'ulama in the seventeenth and eighteenth centuries*. University of Hawaii Press. Buyong Adil. (1980). *Sejarah Negeri Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Gullick, J. M. (1987). *Malay society in the late nineteenth century: The beginnings of change*. Oxford University Press.

Harun, N. (2016). Sejarah awal Islam di Kedah: Satu sorotan semula. *Jurnal Al-Tamaddun*, *11*(2), 25–40. DOI: https://doi.org/10.22452/JAT.vol11no2.3

Hassan, M. K. (2005). Islam and State in Malaysia: A Historical Overview. *Intellectual Discourse*, *13*(2), 155–177.

Ibrahim, S. (1991). *Sejarah dan masyarakat: Perspektif teori dan metodologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelani Harun. (2019). Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: A Malay World Literary Heritage. *Malay Literature*, 32(2), 165-184.

Johns, A. H. (1961). Sufism as a category in Indonesian literature and history. *Journal of Southeast Asian History*, *2*(2), 10–23. DOI: https://doi.org/10.1017/S0217781100000856

Low, J. (1894). *Hikayat Merong Mahawangsa: The Keddah Annals*. Silverfish Books.

Maier, H. M. J. (2021). *Hikayat Merong Mahawangsa: Pertarungan wibawa di jantung kuasa*. Penerbit Kawah Buku.

Milner, A.C. (2002). *The invention of politics in colonial Malaya*. Cambridge University Press.

Milner, A. C. (1981). Islam and Malay Kingship. *The Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland. C*ambridge University Press.

Muhammad Hassan To' Kerani Mohd Arshad. (1968). *At Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Persejarahan Melayu Nusantara*. Teks Publishing.

Nur Nabilah Mohd Razi & Muhd Norizam Jamian. (2024). Penyelesaian Konflik dalam Teks Sastera Sejarah Hikayat Merong Mahawangsa. e-Bangi: *Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(1), 526-535.

Noor Haslina Osman. (2004). Adat Melayu Sebagai Sumber Hukum: Penilaian dari Perspektif Teori Al-'Urf Wa Al-'Adah (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya.

Roff, W. R. (1994). *The origins of Malay nationalism* (2nd ed.). Oxford University Press.

Salleh, M. R. (2009). *Traditional Malay historiography: Legitimacy and contestation in the Malay world*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Hawa Salleh. (1998). *Hikayat Merong Mahawangsa* (Edisi transliterasi). Yayasan Karyawan & Penerbit Universiti Malaya.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1990). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Tatiana Denisova. (2013). Sejarah penyebaran Islam di Alam Melayu Berasaskan Sumber sumber Sejarah Melayu Islam kurun ke-18 hingga ke-19. *Jurnal At-Tamaddun*, *8*(1), 1–18.

Wan Shamsudin Mohd Yusof & Ibrahim Bakar Langkawi. (n.d.). Kedah Darul Aman Sepanjang Zaman.

Zainal Abidin Abdul Wahid. (1991). *Sejarah Malaysia: Penafsiran dan penulisan*. Universiti Kebangsaan Malaysia